

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/5.2018**

“THE SUPPLY AND DELIVERY OF IT EQUIPMENT WITH RELATED SOFTWARE AND SERVICES III, EGNC”

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BR) Portal. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran ini bolehlah diperolehi melalui laman web www.business.gov.bn
2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran **High Volume** di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD) termasuk saiz perniagaan bagi **“Small dan Medium Company”** dan jenis perniagaan bagi **Limited Companies yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam** sahaja.
3. Maklumat lanjut mengenai dasar LBD ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang www.memi.gov.bn/SitePages/LBD%20Policy%20Framework%20for%20ICT.aspx
4. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas bolehlah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah \$500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat (CD) berjumlah \$5.00 dari:

**SEKSYEN KEWANGAN, DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN, GADONG BE1110,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap hari **Isnin hingga hari Khamis** dari jam **8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi** sahaja.

Bagi penjualan disepanjang **bulan Ramadhan** adalah
pada setiap hari **Isnin hingga Khamis** dari jam **8.15 pagi hingga jam 10.00 pagi** sahaja.

5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/5.2018

“THE SUPPLY AND DELIVERY OF IT EQUIPMENT WITH RELATED SOFTWARE AND SERVICES III, EGNC”

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 18hb Jun 2019**

6. Setiap syarikat yang berhajat untuk ikut serta hendaklah melengkapkan borang *statement of acknowledgement* yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Kebangsaan E-kerajaan www.egnc.gov.bn/SitePages/Tender.aspx
7. Borang yang lengkap diisikan hendaklah dibawa sewaktu membuat pembelian Tawaran.
8. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang Tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan Sijil Pendaftaran Syarikat yang terkini.
9. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
11. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **hari Selasa, 21hb Mei 2019** bertempat di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong BE1110 pada jam **9.30 pagi dan hanya dibukakan kepada Syarikat atau Perusahaan yang telah membeli tawaran sahaja.**
12. Syarikat yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil kepada Jabatan ini melalui e-mel cm@egc.gov.bn atau melalui fax: (673) 2424940
13. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui talian telefon: (673) 2424955/6/7 sambungan 134 atau e-mel cm@egc.gov.bn